

30 pelajar UMS terima Bantuan Pelajaran YTAR

NST 19.4.17 8

KOTA KINABALU: Seramai 30 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan berbentuk Bantuan Pelajaran Yayasan Tunku Abdul Rahman (BPTAR) berjumlah RM90,000 daripada Yayasan Tunku Abdul (YTAR).

Majlis penyampaian bantuan tersebut disampaikan oleh Ketua Eksekutif YTAR, Jamhari Hasbullah kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Profesor Madya Dr. Ismail Ali bertempat di Café De Sireh bangunan Canselori.

Jamhari berkata, bantuan berkenaan dikhushuskan untuk pelajar dari latar belakang keluarga kurang berkemampuan bagi menampung kos sara hidup untuk dua semester semasa mengikuti pengajian sepanjang masa ijazah sarjana muda di IPTA. Ia turut menjadi sebahagian

“YTAR berperanan membantu para pelajar di 20 IPTA seluruh negara termasuk UMS sejak tahun 2010,” ujarnya.

Sementara itu, Ismail berkata pelajar UMS banyak mendapat manfaat daripada bantuan pelajar YTAR setiap tahun dan yakin peluang tersebut memberi momentum yang sangat tinggi kepada pelajar untuk terus mencapai kejayaan.

“Pelajar yang menerima bantuan ini harus menggunakan tajaan ini sebaik-baiknya terutama dalam merancang penggunaannya terhadap keperluan sara hidup sepanjang berada di universiti,” tambahnya.

Beliau turut mewakili Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah menyampaikan ucapan terima kasih kepada YTAR dan yakin kerjasama tersebut akan diteruskan untuk membantu pelajar-pelajar di UMS yang memerlukan.



BANTUAN...30 pelajar terima bantuan pelajaran YTAR.